

31 JAN 2000

Syed Hamid-Cuba

FIDEL CASTRO JEMPUT MAHATHIR HADIRI SIDANG KEMUNCAK G-77 DI HAVANA

KUALA LUMPUR, 31 Jan (Bernama) -- Presiden Cuba Fidel Castro telah mengutus jemputan peribadi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menghadiri sidang kemuncak negara membangun G-77 di Havana dari 11 April hingga 14 April ini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata jemputan itu adalah sebagai mengiktiraf peranan Dr Mahathir sebagai penyokong kuat hubungan Selatan-Selatan.

Perkara itu dinyatakan oleh wakil khas Presiden Cuba, Miguel Ramirez Ramos yang mengunjungi Syed Hamid di Wisma Putra di sini hari ini.

"Ramos menekankan bahawa ia adalah jemputan peribadi Fidel Castro kerana kehadiran Dr Mahathir akan menyumbang secara berkesan dan bermakna kepada sidang kemuncak itu," kata Syed Hamid kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Beliau berkata perhimpunan di Havana itu akan membincangkan beberapa bidang penting seperti globalisasi dan kesannya ke atas ekonomi negara membangun, hubungan Utara-Selatan dan pengetahuan dan teknologi.

Beliau berkata berdasarkan keadaan globalisasi yang tidak boleh disekat dan memberi kesan ke atas negara Selatan-Selatan, adalah menjadi perkara biasa bagi negara-negara membangun di dunia memberi input untuk memastikan proses itu tidak menjejaskan mereka dengan teruk.

Syed Hamid berkata beliau dimaklumkan oleh Ramos bahawa sidang kemuncak itu dirancang sebagai perbincangan persediaan bagi membolehkan negara-negara membangun memainkan peranan yang lebih bermakna apabila Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu memulakan perhimpunan khas mengenai alaf baru di New York September ini.

Beliau juga menjelaskan mengenai lawatannya ke Asia Barat yang termasuk Mesir dan Algeria baru-baru ini.

Mengenai hasil lawatannya ke Mesir serta pertemuannya dengan beberapa pemimpin utama kerajaan termasuk Presiden Hosni Mubarak, Syed Hamid berkata mereka bersetuju menghidupkan semula Suruhanjaya Bersama Malaysia-Mesir yang dibentuk pada 1977.

Beliau berkata ini adalah selaras dengan hasrat kedua-dua buah negara untuk mengeratkan lagi hubungan dua hala terutama dalam perdagangan, pelaburan dan pelancongan.

Syed Hamid berkata Kaherah juga mahu Dr Mahathir menghadiri sidang kemuncak G-15 yang membabitkan negara-negara membangun yang lebih maju di Mesir pada Jun ini.

Katanya Malaysia perlu memberikan lebih tumpuan kepada negara-negara seperti Mesir yang mempunyai penduduk yang ramai dan peluang pelaburan yang meluas.

Perbincangan di Mesir turut menyentuh mengenai campur tangan kemanusiaan dan kedaulatan negara dengan pemikiran baru di kalangan sesetengah pihak di PBB bahawa badan dunia itu patut dibenarkan campur tangan dalam mana-mana negara di dunia apabila timbul dakwaan penyalahgunaan hak asasi manusia, katanya.

"Saya rasa corak pembangunan seperti itu tidak sepatutnya digunakan sebagai alasan untuk campur tangan dalam urusan dalaman sesebuah negara. Perkara ini mesti diberi perhatian khusus," kata Syed Hamid.

Beliau berkata bagi pihak kerajaan Malaysia, beliau telah menjemput Mubarak untuk melakukan lawatan rasmi ke Malaysia.

Mengenai lawatannya ke Algeria, beliau berkata Malaysia sedang mengkaji

kemungkinan membuka sebuah pejabat kedutaan di Algiers.

Syed Hamid berkata menteri-menteri Algeria yang ditemui juga berminat mempelajari lebih mendalam mengenai proses pembangunan di Malaysia termasuk dalam bidang infrastruktur, perbankan dan kewangan serta penswastaan.

"Kita akan membentuk suruhanjaya bersama bagi membolehkan kita mengadakan mesyuarat lebih kerap bagi memantau dan membuat susulan berhubung sesetengah cadangan yang dibuat," katanya.

Syed Hamid turut melawat Oman.

-- BERNAMA

MAM LAT